

'Tun M ugut pecat saya tiga kali'

Dr Mahathir anggap dakwaan ugut pecat Guan Eng satu pembohongan terang-terangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi DAP, Lim Guan Eng, mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad cuba memecatnya sebanyak tiga kali di hadapan Kabinet ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dalam pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 2018.

Guan Eng yang juga bekas Setiausaha Agung DAP, mendakwa Dr Mahathir bertindak demikian disebabkan keazaman beliau untuk melaksanakan langkah-langkah yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya PH 2018.

Kenyataan itu dimuat naik bekas Ketua Menteri Pulau Pinang berkenaan sebagai maklum balas terhadap buku bertajuk *Shattered Hopes* ditulis Romen Bose yang mengupas peristiwa politik Malaysia pasca 2018.

"Buku *Shattered Hopes* karangan Romen Bose tentang politik tanah air pasca 2018 mendedahkan sudut pandang Tun Dr Ma-

hathir Mohamad," katanya mengkritik pandangan Dr Mahathir dalam buku itu yang disifatkannya kenyataan 'separuh benar dan palsu'.

Selain mendakwa Dr Mahathir secara terbuka mengugut untuk memecatnya sebanyak tiga kali semasa mesyuarat Kabinet, katanya, bekas Perdana Menteri itu juga secara terbuka marah dengan desakan berterusannya untuk mengurangkan tol Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) sebanyak 18 peratus.

"Beliau juga menentang tindakan saya bagi melaksanakan tender terbuka untuk perolehan kerajaan dan memberi peruntukan pembangunan kepada Ahli-Ahli Parlimen kerajaan," tulisnya.

Menyifatkan bekas Ahli Parlimen Langkawi itu menggunakan ingatan selektif untuk memaparkan dirinya dengan cara yang menguntungkan, katanya, mudah untuk mengaitkan apa yang dilakukan Dr Mahathir dengan faktor usia.

Bagaimanapun, Guan Eng berkata, beliau melihat tindakan Perdana Menteri paling lama mengetuai pentadbiran negara itu adalah disebabkan cita-cita dan azam tinggi serta motivasi politik membalas dendam.

"Ia memaksa saya menulis dan memperbetulkan kenyataan tersebut," katanya menambah, selaku Menteri Kewangan ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri kali kedua, beliau 'ber-

ada di sebelah' pemimpin veteran itu dengan hasrat melaksanakan manifesto PRU 2018 oleh PH.

"Malang sekali, apabila beliau mula menghina tekad dan janji manifesto tersebut secara terbuka dan kemudiannya terang-terangan mengingkari hampir setiap janji utama pilihan raya yang dibuat oleh PH.

"Bermula dengan kenyataan bahawa Manifesto Pilihan Raya PH bukanlah 'kitab suci', kepada menentang janji-janji utama secara terbuka seperti pengurangan tol lebuhraya, pentadbiran PH pada 2018 lantas menjelma menjadi medan pertempuran sengit setiap hari," katanya.

Katanya, pertembungan adalah jelas di antara mereka yang ingin melaksanakan janji pilihan raya dengan kumpulan yang didakwanya diketuai Timbalan Presiden PKR ketika itu dan bekas Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Tidak hairanlah populariti PH jatuh merudum apabila beliau beria-ia menentang sekutu sendiri, sama seperti serangan terhadap lawan politiknya," katanya lagi.

Bekas Menteri Kewangan itu berkata, walaupun mendapat tentangan Dr Mahathir, beliau berjaya melobi majoriti anggota Kabinet untuk bersetuju dengan cadangan-cadangan dikemukakannya, yang didakwa menyebabkan bekas Perdana Menteri itu kecewa.

"Beliau juga terkejut dengan penentangan saya terhadap hasrat beliau bagi mengharamkan UMNO sebagai parti politik. Biar pun kita menentang UMNO ketika itu, saya berpandangan hal ini adalah jelas bertentangan dengan hak asasi, iaitu kebebasan untuk berpersatuan.

Kata Guan Eng, beliau mendedahkan isu itu kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mereka berjaya memaksa Dr Mahathir untuk melupakan hasrat dan idea mengharamkan UMNO.

Terkejut dakwaan

Sementara itu, mengulas dakwaan Guan Eng, Dr Mahathir menyifatkan dakwaan beliau mengugut untuk memecat bekas Menteri Kewangan daripada DAP itu adalah satu pembohongan secara terang-terangan.

Katanya, beliau menghormati kedudukan Guan Eng selaku ketua pemimpin parti yang bergabung dengan partinya ketika itu (BERSATU) dan dakwaan sedemikian adalah tidak benar.

Bekas Ahli Parlimen Langkawi itu terkejut dengan kenyataan Guan Eng kerana merasakan mereka sudah bekerjasama dengan baik ketika beliau menjadi Perdana Menteri ke-7.

"Menjadi perkara biasa baginya sebagai Menteri Kewangan untuk membincangkan isu-isu besar dengan saya dan selepas mendengar pandangan saya, perkara itu akan dikemukakan kepada Kabinet untuk menteri me-

ngulas cadangan itu.

"Hanya selepas keputusan Kabinet barulah perkara itu dikemukakan di hadapan Parlimen dan akhirnya Parlimen memutuskan sama ada mahu meluluskan perkara itu atau tidak. Begitulah cara kerajaan bekerja," katanya dalam kenyataan menerusi laman sosial rasminya semalam.

Dalam membuat keputusan, Dr Mahathir berkata, Kabinet akan memberi kata putus, bukan Perdana Menteri sahaja.

"Menteri Kewangan ada bersuara. Jika Kabinet berkata tidak untuk menghapuskan tol, maka tol tidak boleh dihapuskan.

"Saya tidak boleh menyifatkan perbincangan dalam Kabinet sebagai tegang. Tugas saya adalah mempengerusikan mesyuarat dan saya mempunyai hak untuk menyampaikan pandangan saya seperti yang dilakukan oleh Guan Eng," katanya.

Katanya, satu-satunya menteri yang digugurkan beliau ialah Dr Maszlee Malik yang menjadi Menteri Pendidikan di awal Kerajaan Pakatan Harapan mengambil tampuk pemerintahan.

Dr Mahathir juga menafikan, beliau pernah mencadangkan untuk mengharamkan UMNO, sebaliknya memberitahu pemimpin parti itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, bahawa UMNO ketika itu bukan parti yang mengalahkan Malayan Union dan memenangi kemerdekaan untuk negara.